

BAB DUA

TINJAUAN PENULISAN DAN KAJIAN BERKAITAN

Taraf Penguasaan Kemahiran Bacaan Jawi di Kalangan Murid-Murid

Kajian Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) yang dijalankan dalam bulan Julai, 1987 di sekolah makmal atau percubaan PPK menunjukkan bahawa peratus murid boleh membaca jawi bagi Tahun Tiga ialah 65,7% dan Tahun Empat 58.5%.

Berdasarkan laporan kajian Bahagian Pendidikan Islam, September (1987) Dr. Leo Michael Toyad, Timbalan Menteri Pendidikan menyatakan 69.74 peratus murid-murid dari Tahun Enam sekolah percubaan KBSR boleh membaca jawi dan 67.21 peratus boleh menulis jawi. Sungguhpun peratus murid-murid Tahun Enam yang boleh membaca adalah tinggi tetapi perlu diingat bahawa kajian ini hanya terbatas kepada beberapa buah sekolah percubaan sahaja dan tentu sekali ia tidak dapat menggambarkan keadaan populasi yang sebenar. Jika peratus ini diterima bererti 30.26% murid tahun enam tidak boleh membaca, peratus ini jika dinisbahkan kepada bilangan sebenar murid tahun enam di seluruh negara, tentulah jumlahnya besar dan membimbangkan. Dengan itu bererti pelaksanaan pelajaran Jawi KBSR tidak mencapai matlamatnya.

Unit Pendidikan Islam, Pusat Perkembangan Kurikulum (Feb. 1991) melaporkan data tentang beberapa kajian tentang penguasaan murid KBSR dalam pelajaran Jawi yang dijalankan oleh Jabatan Pendidikan Negeri seperti di bawah ini:

1. Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan dalam laporannya berdasarkan

keputusan ujian penilaian akhir tahun 1989 mendapati 48.3% murid lemah dalam bacaan jawi.

2. Jabatan Pendidikan Negeri Kedah dalam laporan pelaksanaan pelajaran Jawi menunjukkan 38.4% murid-murid sahaja yang boleh membaca dengan cemerlang manakala 65.5% adalah lemah.
3. Jabatan Pendidikan Negeri Perlis telah membuat kajian pada bulan Oktober, 1989. Hasil dapatan yang diperolehi menunjukkan pencapaian pelajaran Jawi amat kurang memuaskan. Dengan itu, pelaksanaan Kajian Pelajaran Jawi tidak tercapai matlamatnya.
4. Jabatan Pendidikan Negeri Wilayah Persekutuan dan laporan pelaksanaannya menyatakan prestasi pelajaran Jawi dari aspek bacaan pada keseluruhannya dalam tahap tidak memuaskan begitu juga dalam bidang penulisan.
5. Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan dalam laporan pencapaian pada tahun 1989 menyatakan kegagalan murid sekolah rendah dalam Pendidikan Agama Islam adalah berpunca dari pelajaran Jawi.
6. Jabatan Pendidikan Negeri Sabah melaporkan prestasi pengajaran Jawi pada aspek bacaan dan tulisan pada keseluruhan adalah kurang memuaskan kerana pembelajaran Jawi tidak diajar ketika murid-murid mula masuk Sekolah Tahun Satu.

Punca-punca Kelemahan Penggunaan Kemahiran Jawi di Kalangan Murid-murid

Kajian Ghazali Hassan (1982) mendapati bahawa kelemahan tulisan yang timbul kerana:

1. Tulisan jawi kurang diperlukan jika dibandingkan dengan tulisan runtuh.

2. Sistem penulisannya sukar dan tidak seragam cara penulisannya, seperti terdapat banyak cara mengejanya.

Dapatan tersebut disokong oleh kajian Amin Mohd Rashid (1991) yang mendapati tahap penguasaan kemahiran jawi rendah di kalangan murid-murid. Ini adalah disebabkan persaingan dari penggunaan tulisan rumi yang diajar dan digunakan dalam banyak mata pelajaran lain di sekolah.

Dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Muhamad bin Endut (1992) mendapati ramai murid lambat menguasai kemahiran jawi disebabkan ia hanya diberi penekanan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam sahaja.

Awang Mohd Amin (1989) telah memaparkan hasil kajiannya dalam sebuah forum yang bertajuk "Tulisan jawi ke arah penggunaan yang lebih meluas dan berkesan" tentang punca-punca kelemahan pelajar dalam menguasai kemahiran jawi ialah:

1. Peruntukan waktu bagi pelajaran jawi tidak mencukupi.
2. Mata pelajaran jawi tidak termasuk dalam mana-mana peperiksaan rasmi seperti peperiksaan tamat sekolah rendah, peperiksaan SRP, SPM dan STPM.
3. Pelajar kurang berminat terhadap tulisan jawi kerana ejaan yang sukar, payah membentuk huruf, tidak masuk perekson dan kerana semua buku teks dalam tulisan rumi.
4. Ibu bapa juga berperanan dalam menentukan penguasaan dan pencapaian kemahiran jawi di kalangan pelajar.

Encik Abu Bakar Al Sidek, seorang peserta majlis forum Hari Sastera di Kuantan menyatakan:

Kementerian Pendidikan tidak menitik beratkan tulisan jawi sejak pengenalan Kurikulum Lama Sekolah Rendah (KLSR) dan ini menyebabkan ramai kanak-kanak sekarang tidak dapat membaca dan menulis jawi. Jika usaha tertentu tidak diambil dari sekarang ramai generasi muda tidak akan dapat membaca dan menulis jawi.

(Berita Minggu 18 Okt. 1987)

Norlaila (1993) menyokong kenyataan tersebut dan menyatakan kajiannya bahawa kedudukan pengajaran Jawi yang tidak menentu kurikulum sekolah telah menimbulkan masalah dan menjadi salah satu kelemahan penguasaan kemahiran jawi di kalangan pelajar-pelajar sekola

Dapatan kajian Mustapha Yazid (1991) mendapati pelajar mengalami kelemahan mereka menguasai kemahiran jawi adalah disebabkan mereka kurang memaham semasa pembelajaran dan bukan disebabkan faktor minat dan minuman. Masalah lain seperti tiada dorongan atau anggapan tulisan jawi tidak perlu diberi penekanan atau tidak cukup masa belajar.

Kajian Mustapha Yazid (1991) dikukuhkan lagi oleh Kajian Nasional Sulaiman (1992/93) yang dijalankan di tiga buah sekolah rendah. Dikajiannya menunjukkan sebilangan besar murid-murid di tiga buah sekolah dikajiannya lemah menguasai kemahiran jawi kerana mereka tidak terhadap pengajaran guru dan bukan disebabkan masalah kurang berminat dan masalah-masalah yang lain.

Dari kajian tersebut dapatlah disimpulkan bahawa kelemahan kemerosotan penguasaan ejaan jawi di kalangan pelajar disandarkan kepada beberapa faktor. Antara faktor tersebut ialah minat dan sikap, latar-be-

pendidikan dan sosio ekonomi keluarga, sistem pendidikan, kurikulum kaedah pembelajaran serta bahan pembelajaran itu.

Kepentingan Menguasai Jawi

Abdul Rahman Yop (1992) Pengarah Pendidikan Wilayah Persekutuan dalam ucapan perasmian majlis penutup Pertandingan Seni Khat dan Membumikan Jawi Sekolah-sekolah Peringkat Wilayah Persekutuan telah menyatakan:

Kebolehan menguasai bahasa jawi merupakan satu kelebihan yang tidak seharusnya dipersia-siakan begitu sahaja. Kita harus memandang serius terhadap kemererosotan jumlah pelajar yang boleh menguasai bahasa itu. Semua pihak harus mempertingkatkan usaha supaya di masa akan datang bahasa jawi yang merupakan aset tunggal orang Melayu tidak pupus begitu sahaja.

(Utusan Malaysia, 20 Oktober 1992)

Murid-murid Islam memang sangat perlu menguasai kemahiran membumikan jawi bagi membantu memudahkan mereka membaca Al Quran memahami buku-buku agama yang kebanyakannya dalam tulisan Jawi. Tambahan pula semua buku-buku teks Pendidikan Islam KBSR dan KEC sekarang ini dicetak dalam ejaan jawi. Ini bererti jika murid-murid yang menguasai kemahiran ejaan jawi, pemahaman, penghayatan dan pencapaian dalam Pendidikan Islam akan terjejas. Minat untuk mempelajari dan mengikuti kelas Pendidikan Agama Islam juga akan berkurangan kerana mereka siasat untuk mempelajarinya kerana mereka tidak boleh membaca dan menulis jawi.

Kemahiran jawi ini penting dikuasai oleh murid-murid kerana ia adalah

membantu memudahkan murid mempelajari Al-Quran sepetimana yang dinyatakan dalam falsafah tulisan jawi Sistem MAKPRA (1991).

Tulisan jawi merupakan satu warisan bangsa Melayu yang dibina berdasarkan huruf-huruf Quran yang dapat membantu pembelajaran Al-Quran.

Haji Zainal Abidin Abdul Kadir (1991) Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Islam di Jabatan Perdana Menteri, berharap generasi kini yang bakal menjadi pemimpin generasi 2020 nanti akan terus menghargai tulisan jawi sebagai tulisan yang mempunyai nilai seni yang unik. Beliau juga menegaskan bahawa setiap umat Islam mesti boleh membaca tulisan jawi dengan baik kerana ia adalah tulisan Al Quran untuk memahami segala rukun dalam Islam.

Pernyataan ini selaras dengan pandangan Pengetua Sekolah Islam di China Mosa Jin Bao Ping (1994) yang menyatakan:

Amat sukar untuk menghayati Al-Quran jika seseorang tidak memahami tulisan jawi, walaupun tulisan Mandarin digunakan di sekolah-sekolah kerajaan di China namun Pelajaran Jawi tetap dipelajari di Madrasah-Madrasah.

(Utusan Malaysia, 7 April 1994)

Tokoh Pendidikan, Prof. Diraja Ungku Aziz berpendapat:

Kementerian Pendidikan sepatutnya memulihkan tradisi pembelajaran tulisan jawi kerana usaha tersebut penting untuk memastikan tulisan jawi tidak terus pupus.

(Utusan Malaysia, 4 Mei 1994)

Pendapat beliau disokong oleh Prof. Datuk Khoo Kay Khim, 1 Jabatan Sejarah, Universiti Malaya yang menyatakan:

Tulisan jawi sememangnya penting menjadi satu pengetahuan, tidak sahaja kepada orang Melayu tetapi juga pada seluruh masyarakat Malaysia. Jika kita tidak menguasainya bererti kita tidak dapat mendalami pelbagai ilmu pengetahuan yang ditulis dan dikaji melalui penggunaan tulisan jawi.

(Utusan Malaysia 4 Mei 1994)

Tan Sri Prof. Awang Had Salleh juga berpendapat bahawa tulisan jawi hanya dapat diselamatkan dengan sokongan Kementerian Pendidikan berkata:

Adalah merugikan jikalau generasi akan datang tidak menguasai tulisan jawi.

(Utusan Malaysia 4, Mei 1994)

Tegasnya dapatlah disimpulkan bahawa pengajaran jawi di sekolah sangat penting dalam usaha menyelamatkan dan meningkatkan penguasaan di kalangan generasi hari ini dan akan datang.

Kaedah Pengajaran Bacaan Jawi di Sekolah

Abd. Haris bin Anuar (1991) dalam kajian ilmiahnya mendapati kaedah yang digunakan oleh guru-guru Agama Islam dalam pengajaran dan perjumpaan Jawi di sekolah-sekolah rendah adalah berbeza-beza. Terdapat kaedah yang biasa digunakan oleh guru. Dapatannya menunjukkan

daripada guru Pendidikan Islam di sekolah rendah menggunakan Kaedah Abjad dan menyambung sukukata, 20% menggunakan Kaedah Terus, 20% lagi menggunakan Kaedah Campuran dan tiada yang menggunakan Kaedah Terjemahan (transliterasi) huruf rumi kepada huruf jawi.

Dapatan di atas hampir selaras dengan dapatan dari tinjauan yang dijalankan oleh penyelidik sendiri terhadap guru-guru Pendidikan Islam yang sedang mengikuti Kursus Dalam Perkhidmatan di Maktab Perguruan Islam bagi sessi 1992/1993. Dapatan menunjukkan 70% daripada guru-guru tersebut mengajar Bacaan Jawi menggunakan Kaedah Abjad, 20% menggunakan Kaedah campuran dan 10% lagi tidak pasti kaedah apa yang mereka gunakan.

Sebahagian besar guru-guru Pendidikan Islam mengajar bacaan Jawi menggunakan Kaedah Abjad adalah mungkin kerana kaedah tersebut adalah kaedah yang disarankan oleh Kementerian Pendidikan melalui Buku Panduan Khas KBSR Pelajaran Jawi, yang diterbitkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum pada tahun 1991.

Tegasnya, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa amalan biasa bagi pengajaran jawi di sekolah-sekolah adalah menggunakan Kaedah Abjad seperti yang disarankan oleh pihak Kementerian.

Isahak Haron (1979) menerangkan bahawa Kaedah Abjad adalah satu kaedah yang mengenalkan murid-murid kepada semua huruf a hingga z (atau ڻ . . . ۽) dan menghafal mengikut susunan. Setelah beberapa minggu baru disebutkan huruf-huruf vokal, a, e, i, o, u. Selepas itu diajar membina suku kata seperti "ba tu," "ka ki" dan diikuti pula dengan membaca ayat-ayat yang pendek. Murid-murid mengambil masa yang agak panjang iaitu tiga, empat bulan atau lebih daripada mula diajar mengenal huruf hingga boleh membaca ayat. Penekananan terhadap pengenalan dan penghayatan nama-nama huruf

boleh membosankan murid-murid.

Abu Basar bin Mohd Shah (1984) pula menjelaskan Kaedah Abjad sebagai kaedah yang telah lama dipraktikkan oleh guru-guru sebelum kaedah-kaedah lain diperkenalkan. Kaedah ini juga disebut Kaedah Mengeja dan Kaedah Fonik, aktiviti yang dipentingkan ialah mengenal tiap-tiap huruf itu dan tahu membunyikan. Kaedah ini menggunakan pendekatan berikut:

Langkah 1: Memperkenalkan keseluruhan abjad mengikut turutannya: a , b , c sampai z.

Langkah 2 : Memperkenalkan huruf vokal: a , e , e , i , o , u.

Langkah 3 : Membina suku kata iaitu menggabungkan huruf konsonan dengan huruf vokal:

ba , bi , bu , be , be , bo

ca , ci , cu , ce , ce , co , dan seterusnya.

Langkah 4 : Menggabungkan sukukata untuk membina perkataan yang mudah-mudah dari dua hingga tiga suku kata.

ba + tu = batu

ba + ju = baju

(Biasanya murid-murid membaca dengan mengeja dan membunyikan suku kata sebelum menyebut seluruh perkataan).

Langkah 5 : Membaca ayat-ayat pendek / membaca buku teks. Ini juga sering dilakukan dengan cara mengeja.

Kaedah ini akan memakan masa yang panjang. Murid-murid terpaksa mengetahui dan kadangkala menghafal semua huruf abjad dan juga vokal sebelum membaca suku kata dan perkataan.

Kaedah yang akan digunakan oleh pengkaji dalam pengajaran Jawi adalah

kaedah Gabungan Bunyi Kata Dengan Bantuan Huruf Rumi.

Kaedah Gabungan Bunyi Kata ini telah dicadangkan oleh Prof. Isahak Haron pada tahun 1979 untuk mengajar Bacaan Rumi. Kaedah ini berasaskan kepada beberapa perkara:

1. Sistem Ejaan Bahasa Malaysia adalah alphabetic dan fonemik. Terdapat hubungan yang rapat di antara simbol/huruf dan bunyinya;
2. Suku kata perkataan-perkataan Melayu adalah jelas (jika dibandingkan dengan bahasa-bahasa lain, seperti bahasa Inggeris misalnya);
3. Ciri-ciri yang baik dari ‘Kaedah Fonik’ dan ‘Kaedah Seluruh Perkataan’ boleh digabungkan;
4. Murid-murid Melayu yang baru melangkah masuk ke Darjah Satu rata-rata telah pun mempunyai perbendaharaan bahasa Melayu yang mencukupi untuk terus belajar membaca.

Isahak (1979) menyatakan kaedah yang dicadangkan ini menegaskan penggabungan Kaedah Fonik dan Kaedah Seluruh Perkataan dan ayat dalam satu pelajaran membaca, pada peringkat awal. Tidak perlu menunggu murid-murid mengetahui semua nama huruf, bunyi huruf dan suku kata sebelum mereka disuruh membaca perkataan-perkataan atau ayat. Malahan tidak perlu memperkenalkan dan mengajar abjad dan bunyi huruf dari a, b, c . . . sampai z secara tertib biasa.

Kaedah Gabungan Bunyi Kata ini pada asalnya digunakan untuk mengajarkan Bacaan Rumi tetapi dalam kajian ini kaedah ini akan digunakan untuk mengajarkan Bacaan Jawi seperti yang dicadangkan oleh Isahak Haron dalam manuskripnya (1994). Bagi tujuan tersebut huruf rumi akan ditransliterasi atau diguna bersama huruf jawi.

Kajian tentang penggunaan Kaedah Gabungan Bunyi Kata Berbantuan Huruf Rumi untuk mengajar Bacaan Jawi belum pernah dibuat secara ilmiah.

Prinsip-prinsip Kaedah Gabungan Bunyi Kata

1. Memilih beberapa vokal dan konsonan yang kerap sekali digunakan dalam ejaan perkataan-perkataan Melayu untuk diperkenalkan pada peringkat permulaan pengajaran. Ini bermakna murid tidak perlu diperkenalkan dengan huruf dan bunyi mengikut susunan biasa dalam abjad a. b. c . . . hingga z. Susunan nama huruf-huruf ini dan cara menulis 'huruf besar' boleh dibuat secara tidak langsung kemudian.
2. Tidak perlu memisahkan-misahkan dengan jauh dan jelas di antara bunyi huruf, bunyi suku kata dan sebutan perkataan. Ini boleh digabungkan di dalam satu pelajaran. Inilah penekanan Kaedah Gabungan Bunyi Kata.
3. Menegaskan latihan membunyikan dan memandang huruf, suku kata dan perkataan yang tertulis. Dengan itu penggunaan kad imbasan dan tulisan di papan hitam amat perlu.
4. Latihan dan ulangan beragam sangat penting untuk mengukuhkan kemahiran.

Contoh

Langkah-langkah pendekatan yang disusun oleh Isahak Haron adalah seperti berikut:

Langkah 1

Mulakan dengan memperkenalkan bunyi dua atau tiga huruf vokal

a

i

u

Langkah 2

Kemudian perkenalkan pula bunyi dua atau tiga huruf konsonan, misal

b d k

dengan menggunakan kad imbasan, dan buat latihan tubi beberapa supaya semua murid dapat melafazkan bunyi tiap-tiap lambang itu dengan je

Langkah 3

Gabungkan bunyi tiap-tiap huruf konsonan dengan huruf vokal sup menjadi suku kata:

ba	bi	bu
da	di	du
ka	ki	ku

Seterusnya bentukkan beberapa perkataan yang bermakna, misalnya

da	da	dada
ba	ba	baba
bu	bu	bubu
ku	ku	kuku

Ulangkan ini beberapa kali, kemudian gabungkan dua perkataan menayat dan latihan murid-murid membacanya:

dada	baba
bubu	baba
kuku	baba

Langkah 4

Perkenalkan gabungan lain:

a	da	ada
a	ku	aku
ku	da	kuda
bu	ku	buku
bu	ka	buka

Langkah 5

Suruh murid-murid membaca ayat-ayat berikut dari beberapa perkataan atas:

baba	ada	buku
baba	ada	kuda
baba	ada	bubu
baba	buka	buku

Kemudian gantikan 'baba' dengan 'aku' dan ulang membacanya. Seterusnya baca ayat-ayat ini pula:

kuda	dia
kuda	baba
kuda	aku/ku

Gantikan 'kuda' dengan 'buku', 'buku', dan 'kuku' dan ulang bertutup dengan kad imbasan.

Perkenalkan gabungan bunyi lain pula seterusnya.

i	bu	ibu
bu	di	budi
u	da	uda
budi ibu		
budi ibuku		
budi uda		
di	a	dia
ka	ki	kaki
kaki dia		
kaki ibu		
kaki kuda		

Suruh murid membaca ayat-ayat yang menggunakan berbagai-bagai perkataan yang dicipta:

ibu	buku	buku	uda
baba	ada	bubu	
udaku	ada	kuda	
dia	kaki	kuda	

Begitulah beberapa contoh kaedah gabungan yang boleh diajar di dalam tiga, empat pelajaran, atau di dalam tiga, empat hari, sejam sehari. Dalam seminggu saja murid-murid sudah boleh mengenal bunyi huruf-huruf a, i, u; b, d, k dan membaca suku kata, perkataan-perkataan dan ayat yang dibentuk daripadanya.

Akhir sekali bolehlah diperkenalkan bunyi klaster (cluster) dalam ejaan kita misalnya:

ng	bising, datang, sayang
nga	nganga, singa
sy, (sya)	syarat, syarikat
gh (gha)	ghaib, ghazal
nya	nyanyi, nyaring, punya

Penyelidik ingin mengkaji sejauhmana keberkesanan pengajaran Jawi menggunakan Kaedah Gabungan Bunyi Kata Berbantukan Huruf Rumi.